



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 91 /2025

PROGRAM KEMBARA JUMPA ORANG MUDA (KEMBARA JOM) 2.0 **ZON TENGAH TAHUN 2025** **PERKUKUH JARINGAN BELIA RENTAS KOMUNITI**

2 NOVEMBER 2025

-
1. Agenda pemeraksanaan belia luar bandar terus diperkasa dengan penganjuran Program Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) 2.0 Zon Tengah, yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli di Felda Gunung Besout, Sungkai, Perak. Program selama tiga hari yang berlangsung dari 31 Oktober hingga 2 November 2025 ini telah berjaya menghimpunkan ratusan belia daripada komuniti Felda dan masyarakat setempat dalam suasana penuh semangat dan kebersamaan.
 2. Zon Tengah merupakan siri kelima daripada enam zon pelaksanaan Program Kembara JOM 2.0 yang berlangsung dari Julai hingga November 2025. Program ini memberi tumpuan kepada penglibatan belia luar bandar, merangkumi belia massa dan belia berpersatuan, dengan matlamat untuk memperluas jaringan sosial, memperkukuh keupayaan kepimpinan, serta menggalakkan penyertaan aktif belia dalam pembangunan komuniti khususnya di negeri Perak.
 3. Antara pengisian utama program ini termasuk Sesi *Townhall* bersama YB Timbalan Menteri, Ziarah Kasih serta penyerahan bakul makanan kepada masyarakat setempat. Selain itu, kerjasama strategik dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Perak turut direalisasikan melalui penganjuran Program Semarak Subuh dan Majlis Perasmian Bulan Dakwah Negara Negeri Perak yang berteraskan tema “Membangun Adab, Membina Negara”.
 4. Kembara JOM 2.0 turut berperanan sebagai platform pemprofilan belia luar bandar, di samping menggalakkan penubuhan persatuan belia baharu serta melaksanakan kajian sosioekonomi belia setempat. Dapatan dan maklum balas yang diperoleh daripada pelaksanaan program ini akan menjadi asas

penting dalam merangka dasar, strategi dan intervensi pembangunan belia negara pada masa hadapan khususnya dalam memperkukuh penyertaan belia luar bandar dalam arus kemajuan negara.

5. Antara aktiviti lain yang turut dijalankan termasuk gotong-royong khidmat komuniti menceriakan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), senamrobik, Kain Sarong *Brisk Walk*, sukaneka, Pertandingan Futsal Piala YB Timbalan Menteri serta Pertandingan Netball *Short Shooter*. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim, malah turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama dan kekitaan dalam kalangan peserta serta penduduk setempat.
6. Penganjuran Kembara JOM 2.0 Zon Tengah Tahun 2025 ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik pelbagai agensi, termasuk Pejabat Felda Wilayah Trolak, Majlis Belia Felda Wilayah Trolak dan Majlis Belia Negeri Perak. Sinergi antara pelbagai pihak ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh ekosistem pembangunan belia luar bandar yang lebih berstruktur, inklusif dan bersepadu.
7. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan terus memperkukuh pelaksanaan siri Program Kembara JOM sebagai platform libat urus bersama belia akar umbi bagi memastikan suara, aspirasi dan keperluan mereka terus didengar, dihargai dan diterjemahkan dalam dasar serta inisiatif pembangunan belia yang berteraskan nilai-nilai Malaysia MADANI.
8. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 017-6044140 atau e-mel aimullah@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

